

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (14)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

**PINDAAN KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN
PENYEDIAAN MAKANAN YANG DISEDIAKAN
OLEH PIHAK LUAR
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

Pejabat Bendahari

24 Mac 2022

Disalinkan Kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (14)

24 Mac 2022

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2022 **PINDAAN KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN** **MAKANAN YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK LUAR** **UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai Pindaan Kadar Bayaran Perkhidmatan Penyediaan Makanan Yang Disediakan Oleh Pihak Luar Universiti Malaysia Kelantan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar Bayaran Perkhidmatan Penyediaan Makanan Yang Disediakan Oleh Pihak Luar telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Universiti Malaysia Kelantan melalui Mesyuarat Eksekutif Universiti Bil. 85 bertarikh 23 Januari 2011.
- 2.2 Walau bagaimanapun, mengambil kira kenaikan harga barang yang sangat ketara akhir-akhir ini, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.2/2022 (Kali Ke-248) telah menyarankan agar Pejabat Bendahari untuk menyemak semula kadar bayaran tersebut.
- 2.3 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.5/2022 (Kali Ke-251) yang telah bersidang pada 13 Mac 2022.

3.0 PINDAAN KADAR BAYARAN

3.1 Kadar Bayaran Perkhidmatan Penyediaan Makanan Yang Disediakan Oleh Pihak Luar hanya tertakluk kepada **Kumpulan Wang Mengurus sahaja.**

3.2 Pindaan Kadar Bayaran Perkhidmatan Penyediaan Makanan Yang Disediakan Oleh Pihak Luar adalah seperti berikut:

	Sarapan (RM)	Minum Pagi (RM)	Makan Tengah Hari (RM)	Minum Petang/ Malam (RM)	Makan Malam (RM)	Jumlah (RM)
Pelajar-Universiti	Tiada	4.00	8.00	4.00	8.00	24.00
Pelajar-Hotel	Tiada	8.00	17.00	8.00	17.00	50.00
Mesyuarat Utama Dalam Universiti	Tiada	8.00	15.00	8.00	15.00	46.00
Mesyuarat Jabatan/ Fakulti	Tiada	5.00	8.00	5.00	8.00	26.00
Majlis Rasmi/ Anugerah/ Perasmian/ Bengkel/ Taklimat/ Kursus/ Seminar	Diadakan Di Dalam Universiti					
	Tiada	8.00	20.00	8.00	20.00	56.00
	Diadakan Di Luar Universiti					
	10.00	10.00	30.00	10.00	30.00	90.00
Tetamu Luar	Diadakan Di Dalam Universiti					
	Tiada	10.00	30.00	10.00	30.00	80.00
	Diadakan Di Luar Universiti					
	Tiada	10.00	50.00	10.00	50.00	120.00
Ahli LPU	Mengikut Menu Tempahan					
Pihak Istana/ Diraja/ YB Menteri/ YB Timbalan Menteri/ KSU/ TKSU	Mengikut Menu Tempahan					

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 April 2022 dan Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2011 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD YUSRI BIN AWANG
Bendahari
b.p: Naib Canselor